

“KEMPEN PEMBELANJAAN LUAR NEGARA DAN DAPAT 1% PULANGAN TUNAI” KAD KREDIT HONG LEONG BANK

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Pembelanjaan Luar Negara dan Dapat 1% Pulangan Tunai” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula pada 01 September 2017 pukul 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada 28 Februari 2018 pukul 23:59:59 (11:59 malam), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut (“T&S”)-

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka hanya kepada Pemegang Kad Kredit HLB Visa sedia ada yang terpilih (termasuk bekas Pemegang Kad Kredit Visa EON Bank) yang menerima jemputan melalui Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) (“SMS Jemputan”) daripada HLB semasa Tempoh Kempen (“Pemegang Kad Terpilih”).
2. Pemegang Kad Terpilih berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - (i) Kakitangan HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) sama ada secara tetap atau kontrak, kakitangan mana-mana wakil atau ejen HLB (termasuk juruaudit luar, penjual, pembekal, ejen pengiklanan dan Kempen) serta ahli-ahli keluarga terdekat masing-masing (misalnya, pasangan, anak-anak, ibu atau bapa, adik-beradik);
 - (ii) Pemegang Kad Terpilih yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; atau
 - (iii) Pemegang Kad Terpilih yang telah melakukan atau ditentukan oleh HLB berpotensi melakukan sebarang kesalahan yang ditetapkan di dalam ini, akan serta-merta terlucut kelayakan daripada menyertai Kempen.

MEKANISMA KEMPEN

Pendaftaran SMS

3. Apabila menerima SMS Jemputan, Pemegang Kad Terpilih dikehendaki menghantar SMS satu (1) kali mengikut format di bawah ini kepada 66600 (“Nombor Ditetapkan”) semasa Tempoh Kempen untuk menyertai Kempen ini (“Pendaftaran SMS”).

Format SMS kepada Nombor Ditetapkan:

FO<jarak>Nombor Kad Pengenalan 12 digit (“KP”)

4. Pendaftaran SMS yang dilakukan oleh Pemegang Kad Terpilih kepada Nombor Ditetapkan untuk tujuan pendaftaran akan dianggap sebagai keizinan untuk menyertai Kempen ini.
5. Setelah pendaftaran berjaya, Pemegang Kad Terpilih akan menerima pengesahan melalui SMS tanpa dikenakan bayaran kepada nombor telefon bimbit yang digunakan untuk pendaftaran.

6. Pemegang Kad Terpilih hendaklah bertanggungjawab:
 - (i) Menyemak dan memastikan penyedia perkhidmatan telekomunikasi masing-masing ("Telco") boleh menyokong penghantaran SMS kepada Nombor Ditetapkan di bawah Kempen ini;
 - (ii) Menjelaskan caj SMS standard yang dikenakan oleh Telco masing-masing bagi setiap SMS yang dihantar di bawah Kempen ini kepada Nombor Ditetapkan. Buat masa ini, Telco yang boleh menyokong penghantaran SMS kepada Nombor Ditetapkan adalah Celcom, Maxis, Digi dan uMobile. HLB tidak boleh dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab jika Telco Pemegang Kad Terpilih itu tidak boleh menyokong penghantaran mana-mana SMS kepada Nombor Ditetapkan; dan
 - (iii) Memastikan butir-butir di dalam Pendaftaran SMS yang dihantar kepada Nombor Ditetapkan adalah tepat, lengkap, mengikut format yang diberi dan dalam Tempoh Kempen, jika gagal berbuat demikian, maka Pendaftaran SMS Pemegang Kad Terpilih itu tidak akan diproses dan Pemegang Kad Terpilih tidak akan layak menyertai Kempen ini.
7. Pemegang Kad Terpilih akan menerima pengesahan SMS daripada Nombor Ditetapkan bagi Pendaftaran SMS yang berjaya dihantar kepada Nombor Ditetapkan ("SMS Pengesahan"), tertakluk kepada keadaan lalu lintas SMS di rangkaian Telco berkenaan. SMS Pengesahan ini dijana secara automatik untuk mengesahkan penerimaan Pendaftaran SMS yang dihantar dan TIDAK dianggap sebagai pemberitahuan bahawa Pemegang Kad Terpilih telah memenangi Pulangan Tunai.
8. Bukti Pendaftaran SMS yang dihantar kepada Nombor Ditetapkan oleh Pemegang Kad Terpilih tidak boleh dianggap sebagai pengesahan penerimaan Pendaftaran SMS oleh HLB melainkan Pemegang Kad Terpilih itu menerima SMS Pengesahan seperti dinyatakan dalam fasal 7 di atas di nombor telefon bimbit yang sama digunakan oleh Pemegang Kad Terpilih untuk Pendaftaran SMS. Pemegang Kad Terpilih dianggap tidak layak menyertai Kempen ini jika sekiranya Pemegang Kad Terpilih itu tidak menerima SMS Pengesahan
9. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dan berhak melucutkan kelayakan mana-mana Pendaftaran SMS tak sah yang dihantar kepada Nombor Ditetapkan atas apa jua sebab sekalipun termasuk, tetapi tidak terhad kepada Pendaftaran SMS dua kali, format Pendaftaran SMS tidak betul, Pendaftaran SMS tidak berjaya atau terlewat semasa Tempoh Kempen atas budi bicara mutlaknya tanpa memberikan sebarang sebab.
10. HLB tidak bertanggungjawab, begitu juga HLB tidak mempunyai apa jua kawalan terhadap keadaan kesesakan lalu lintas SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan dan/atau kesesakan di pihak Telco berkenaan atau atas apa jua sebab sekalipun semasa dalam proses penghantaran Pendaftaran SMS kepada Nombor Ditetapkan atau penghantaran SMS Pengesahan daripada Nombor Ditetapkan kepada Pemegang Kad Terpilih yang mungkin menyebabkan kelewatan Pendaftaran SMS dan pengesahan SMS ketika dihantar semasa Tempoh Kempen.
11. Setelah memenuhi syarat-syarat Pendaftaran SMS seperti tersebut di atas, Pemegang Kad Terpilih yang melakukan perbelanjaan dalam talian untuk **transaksi** dalam mata wang asing sahaja ("Perbelanjaan Layak") dengan menggunakan Kad Kredit Hong Leong Visa mereka dalam Tempoh Kempen adalah layak mendapat Pulangan Tunai seperti ditetapkan dalam fasal 15 di bawah.
12. Bagi mengelakkan keraguan, perbelanjaan berikut TIDAK dianggap sebagai Perbelanjaan Layak:
 - (i) Transaksi runcit dalam negara dan antarabangsa menggunakan Kad Kredit Hong Leong Visa/MasterCard;

- (ii) Transaksi dalam talian dalam negara dan antarabangsa menggunakan Kad Kredit Hong Leong MasterCard;
 - (iii) Semua pengeluaran wang tunai daripada Mesin Juruwang Automatik (“ATM”);
 - (iv) Semua transaksi dalam talian dalam negara sama ada dalam Ringgit Malaysia atau mata wang asing;
 - (v) Arahan tetap seperti pengebilan automatik;
 - (vi) Caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit dan cukai kerajaan;
 - (vii) Perbelanjaan luar negara dalam talian dilakukan menggunakan Ringgit Malaysia; dan
 - (viii) Sebarang perbelanjaan dilakukan menggunakan Ringgit Malaysia
13. Perbelanjaan terkumpul Kad Kredit HLB Visa yang dibelanjakan oleh pemegang kad utama dan kad tambahan semasa Tempoh Kempen akan diambil kira dalam pengiraan Perbelanjaan Layak.
14. Penjejakan Perbelanjaan Layak akan berdasarkan tarikh perbelanjaan dan urus niaga Waktu Malaysia yang berjaya dicatatkan dalam sistem HLB sepanjang Tempoh Kempen. HLB berhak menentukan transaksi yang akan dianggap sebagai Perbelanjaan Layak.

1% PULANGAN TUNAI

15. Apabila sahaja Pemegang Kad Terpilih memenuhi kriteria Pendaftaran SMS dan memenuhi syarat-syarat Perbelanjaan Layak seperti di atas (“Perbelanjaan Layak”), dia akan menerima 1% pulangan tunai berdasarkan Perbelanjaan Layak mereka yang dibuat sepanjang Tempoh Kempen (“Pulangan Tunai”).
16. Pemberian Pulangan Tunai kepada Pemegang Kad Layak adalah atas dasar siapa cepat dia dapat tertakluk kepada peruntukan Pulangan Tunai berjumlah RM180,000 bagi Kempen ini dan had maksimum Pulangan Tunai adalah RM100 bagi setiap Pemegang Kad Layak sebulan semasa Tempoh Kempen.
17. Pemberian Pulangan Tunai kepada Pemegang Kad Layak adalah berdasarkan jumlah amaun Perbelanjaan Layak yang dicaj kepada mana-mana Kad Kredit HLB Visa dalam Ringgit Malaysia.
18. Perbelanjaan Layak yang dilakukan dalam mata wang asing akan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran sepertimana ditentukan oleh HLB atas budi bicara mutlaknya
19. Pengiraan Pulangan Tunai akan dilakukan pada penghujung setiap bulan kalendar atas jumlah Perbelanjaan Runcit bagi bulan berkenaan dan tidak terkumpul dari bulan terdahulu.
20. Jumlah Pulangan Tunai akan dikreditkan setiap bulan ke dalam akaun Pemegang Kad Layak dalam masa enam (6) minggu selepas berakhirnya setiap bulan kalendar (“Tempoh Bayaran Pulangan Tunai”). Pada dasarnya Pemegang Kad Layak berkewajipan memberitahu HLB jika sekiranya tidak menerima Pulangan Tunai dalam masa 60 hari selepas berakhirnya Tempoh Bayaran Pulangan Tunai, jika gagal berbuat demikian maka Pemegang Kad Layak dianggap telah menerima Pulangan Tunai itu dan sebarang rayuan atau permintaan pembayaran ganti tidak akan dilayani oleh HLB.
21. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kelewatan dalam pencatatan sebenar Perbelanjaan Layak dan/atau Pulangan Tunai yang diperolehi.
22. HLB tidak berkewajipan memberitahu Pemegang Kad Layak apabila Pulangan Tunai mencecah Peruntukan Pulangan Tunai maksimum (iaitu RM180,000) semasa Tempoh Kempen.

UMUM

23. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Terpilih:
- (a) Bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S di dalam ini;
 - (b) Bersetuju bahawa semua rekod transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang terakam dalam sistem HLB dalam Tempoh Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
 - (c) Bersetuju bahawa keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad Layak. Sebarang rayuan dan/atau surat-menyurat tidak akan dilayani;
 - (d) Bersetuju bahawa Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barangan;
 - (e) Bersetuju untuk mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S dan untuk memastikan mereka sentiasa mengikuti apa-apa pertukaran atau pindaan kepada T&S; dan
 - (f) Bersetuju nama, nombor Kad Pengenalan (dalam bentuk terlindung) dan/atau foto mereka disiarkan atau dipaparkan dalam Laman Web HLB;
24. HLB berhak untuk:
- (a) melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Terpilih atas budi bicara mutlaknyanya daripada menyertai Kempen ini;
 - (b) menolak kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak untuk menyertai Kempen atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh HLB menurut budi bicara mutlaknyanya.
 - (c) melupuskan sebarang atau seluruh Pulangan Tunai jika sekiranya T&S dan Perjanjian Pemegang Kad HLB di dalam ini tidak dipatuhi;
 - (d) meminda jumlah Pulangan Tunai dan/atau menggantikan Pulangan Tunai di dalam ini dengan hadiah gantian yang sama nilainya atas budi bicara mutlaknyanya dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Layak; dan
 - (e) menambah, menggugurkan atau meminda T&S di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini, atas budi bicara mutlaknyanya dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Layak mengenai penambahan, pemotongan atau pemindaan T&S atau penamatan Kempen ini.
25. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penghantaran transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, syarikat peniaga, pihak pos atau mana-mana pihak yang mungkin menyebabkan Pemegang Kad Terpilih tertinggal daripada menyertai Kempen ini.
26. Akaun kad kredit Pemegang Kad Terpilih mestilah kekal sah/aktif, berkedudukan baik dan tidak melanggar mana-mana T&S dan/atau Perjanjian Pemegang Kad HLB pada bila-bila masa.
27. T&S di dalam ini dan terma dan syarat am Perjanjian Pemegang Kad HLB hendaklah dibaca bersama-sama sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini dengan terma dan syarat am Perjanjian Pemegang Kad HLB, maka T&S tertentu di dalam ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
28. T&S adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

